

MELESTARIKAN WARISAN DAN MEMBAYANGKAN INSPIRASI DI Taiping

Teks: Sallehuddin Ibrahim
Foto: Majlis Perbandaran Taiping

Taiping memiliki tidak kurang daripada 20 produk pelancongan yang terdapat di sekitar daerah Larut dan Matang. Produk ini termasuklah produk-produk utama, seperti Taman Tasik Taiping, Zoo Taiping dan Night Safari, Bukit Larut, Taman Botani Perak, River Cruise Kuala Sepetang, Hutan Paya Laut Matang, Kelip-Kelip Kampung Dew, Muzium Perak, Muzium Sejarah Matang dan lain-lain. Produk pelancongan ini mempunyai keunikan yang tersendiri dan sentiasa menjadi tarikan kepada orang ramai.

Bagi memudahkan pelancong untuk mengingat Taiping sebagai destinasi pelancongan yang berbeza daripada tempat lain, pelancongan di Taiping berpaksikan lima daya tarikan, iaitu warisan sejarah, ekopelancongan dan rekreasi, kepelbagaian makanan dan budaya masyarakat tempatan. Kekayaan sejarah dan kebudayaan yang terdapat di Taiping membuatkan bandar ini dikenali sebagai Bandar Warisan dan berjaya menarik perhatian masyarakat antarabangsa untuk melihat keunikan bandar kedua terbesar di Perak ini dengan lebih dekat.

Semua keunikan di Taiping mendapat pelbagai pengiktirafan, sama ada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, sehingga Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah meraih

beberapa anugerah yang mengiktiraf usaha MPT mempromosikan pelancongan Taiping. Sebagai contohnya, pada 21 Disember 2018, Taiping dinobatkan sebagai 100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia, manakala pada 6 Mac 2019, Taiping dipilih sebagai bandar ketiga terbaik di dunia, selepas bandar Ljubljana, Slovenia dan Vancouver, Canada dalam *Sustainable Green Destination Award* 2018 yang berlangsung di Pelancongan Antarabangsa Berlin, Jerman.

Taiping sememangnya wajar diberikan pengiktirafan sebegini. Hal ini dikatakan demikian kerana meskipun mengalami perubahan dari segi hal ehwal pembangunan yang semakin moden, bandar ini tetap melestarikan ciri-ciri tradisional yang terdapat di bandar itu. Taman Tasik Taiping misalnya, merupakan bekas lombong bijih timah yang tertua di Malaysia yang dibangunkan semula sebagai taman rekreasi yang dibuka kepada awam sejak 17 November 1893.

Taman Tasik Taiping terletak di antara Bukit Larut dan Zoo Taiping menjadi tarikan utama bagi penduduk sekitar dan para pelancong. Keluasan asal taman ini ialah 61.93 hektar sebelum dinaiktarafkan sehingga mencapai keluasan 96.44 hektar oleh



Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama berusia 123 tahun.

MPT. Menurut kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, taman rekreasi tertua di Malaysia ini memiliki kira-kira 113 pokok hujan-hujan dan 1300 jenis pokok lain di dalamnya.

Di samping kekayaan sumber alam, kawasan di sekitar Taman Tasik Taiping turut mengalami pembangunan ekonomi, seperti pembangunan sekolah, pusat perniagaan dan kawasan perumahan. Taman ini dihubungkan dari pusat bandar melalui Jalan Taming Sari dan Jalan Kota yang berlatarkan bangunan lama dan baharu. Dalam hal ini, tidak hairanlah Taiping disenaraikan dalam senarai 10 Bandar Paling Bahagia 2019 oleh PLANMalaysia,

Bagi memudahkan pelancong untuk mengingati Taiping sebagai destinasi pelancongan yang berbeza daripada tempat lain, pelancongan di Taiping berpaksikan lima daya tarikan, iaitu warisan sejarah, ekopelancongan dan rekreasi, kepelbagaian makanan dan budaya masyarakat tempatan.

memandangkan bandar ini lengkap dengan pelbagai kemudahan dan prasarana untuk masyarakat setempat.

Sekiranya berkesempatan untuk mengunjungi Taiping, tidak lengkap kunjungan anda ke bandar ini jika tidak mengunjungi Taman Tasik Taiping yang mempunyai pelbagai kaedah untuk mengelilinginya, seperti menaiki kenderaan, berjalan kaki atau berbasikal. Pelbagai aktiviti riadah secara individu atau bersama-sama ahli keluarga dapat dijalankan di taman ini, seperti bersenam dan berkelah, seterusnya mencipta pengalaman yang unik dan tersendiri ketika berada di taman ini.

Sepanjang tempoh penularan wabak COVID-19 yang melanda negara baru-baru ini, tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti pelancongan di Perak, khususnya di Taiping, terjejas susulan larangan untuk melancong di dalam dan di luar negara. Namun



Taman Tasik Taiping menjadi lokasi tarikan pelancong di Taiping.

begitu, selepas sektor ekonomi mula dibuka dan masyarakat dibenarkan untuk melancong dalam negara, peningkatan kedatangan pelawat yang ketara menghidupkan kembali aktiviti pelancongan di negeri ini, terutamanya di Taiping.

Perkembangan positif ini dapat dilihat menerusi jumlah kedatangan pelawat melebihi 25 ribu orang ke Zoo Taiping & Night Safari sebaik sahaja lokasi ini dibuka, bermula dari 15 Jun sehingga 30 Jun 2020. Susulan daripada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang diumumkan baru-baru ini, orang ramai memilih untuk berekreasi bersama-sama keluarga dengan melancong ke Taiping memandangkan bandar ini memiliki kekayaan alam semula jadi dan sejarah.



Menara jam Taiping yang masih kekal reka bentuknya.

Menyadari risiko yang akan dihadapi sekiranya sektor pelancongan tidak kembali aktif seperti dahulu, MPT mengambil inisiatif dengan mengadakan pelbagai kegiatan yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi. Antara kegiatan yang dijalankan termasuklah pada 8 Jun 2020, MPT telah menerima kunjungan daripada pihak media Nanyang Siang Pau dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu, MPT juga saling berhubung dengan para pengusaha produk pelancongan dengan mengadakan sesi perkongsian dan perbincangan.

Sebagai misalnya, pada 7 Jun 2020, Zoo Taiping dan Night Safari menjadi tuan rumah untuk Bengkel Penyediaan Pelan Pemuliharaan Operasi Zoo & Pameran Tetap Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Penularan COVID-19 anjuran Persatuan Taman Zoologi dan Aquaria Malaysia. Program tersebut diadakan bertujuan untuk mendapatkan pandangan dalam kalangan pengusaha zoo dan akuarium di Malaysia untuk menangani pelbagai isu susulan Perintah Kawalan Pergerakan, sekali gus memulihkan industri pelancongan yang berkaitan dengan zoo dan akuarium.

Selain itu, Taiping juga diberikan peluang untuk menyertai "2020 TPO Webinar-Tourism Recovery in Asia Pasific Region" yang

Taiping sememangnya wajar diberikan pengiktirafan sebegini. Hal ini dikatakan demikian kerana meskipun mengalami perubahan dari segi hal ehwal pembangunan yang semakin moden, bandar ini tetap melestarikan ciri-ciri tradisional yang terdapat di bandar itu.

berlangsung pada 7 Jun 2020 yang lalu yang mempertemukan lebih daripada 20 bandar dan bandar raya dari seluruh negara Asia Pasifik secara maya. Melalui seminar ini, para peserta memberikan pandangan dan penjelasan berkaitan dengan kesukaran yang dilalui dan perkembangan terkini sektor pelancongan akibat penularan wabak COVID-19.



Bandar Taiping yang padat dan aktif.


Dalam seminar ini, MPT, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Majlis Bandaraya Ipoh merupakan wakil dari Malaysia. Penganjuran seminar seperti ini memberikan impak yang sangat besar kepada sektor pelancongan negara, terutamanya di Taiping. Sejak PKPP, Taiping semakin menampakkan peningkatan dari segi kunjungan pelawat ke bandar ini selepas penularan wabak



Taman Tasik Taiping merupakan taman rekreasi pertama di Malaysia.

COVID-19 ini dilihat semakin berkurangan dan kedatangan musim buah-buahan yang menyebabkan kesesakan lalu lintas dalam bandar Taiping.

Bagi merencanakan kembali aktiviti pelancongan di Taiping, pihak MPT juga turut mendapatkan pandangan dan bantuan daripada pemain industri pelancongan di Taiping, seterusnya menggalakkan mereka untuk meneruskan agenda pelancongan dengan mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Selain itu, usaha untuk menyebarkan pautan tentang aktiviti pelancongan secara dalam talian memberikan impak yang amat menggalakkan. Selain dapat menyampaikan maklumat tentang Taiping kepada masyarakat, usaha ini juga dapat



Kaki Bukit Larut.

menambahbaikkan prestasi produk pelancongan Taiping.

Di samping itu, usaha untuk mempromosikan keindahan Taiping turut diteruskan dengan menganjurkan kuiz pelancongan Taiping menerusi paparan video promosi yang bertajuk "Taiping Unlocked" sebanyak 10 episod bermula dari 23 Jun hingga 23 Julai 2020. Selain itu, perkongsian video pendek yang memaparkan suasana Zoo Taiping dan Night Safari dan produk pelancongan yang lain di laman sosial turut memberikan kesan positif terhadap sektor pelancongan di bandar ini.

Yang menariknya, bagi menggalakkan kehadiran pengunjung ke Taiping, sebanyak 20 ribu naskah buku *Taiping The Guide* edisi kedua tahun 2020 diedarkan kepada para pelawat yang berkunjung ke Taiping. Buku yang memaparkan keunikan warisan dan produk pelancongan di Taiping ini boleh didapati di pusat informasi pelancongan, lapangan terbang, hotel-hotel, produk-produk pelancongan, pejabat Pelancongan Malaysia, dan agensi pelancongan. Malah, buku tersebut juga diterbitkan dalam bentuk digital yang boleh dimuat turun melalui Internet.

Sebagai kesimpulannya, marilah bersama-sama kita menyemarakkan kembali sektor pelancongan di seluruh negara, termasuklah di Taiping, dengan membawa ahli keluarga dan kenalan ke destinasi pelancongan tempatan yang menawarkan keunikan dan keindahan yang berbeza-beza. Diharapkan segala usaha yang dilaksanakan oleh MPT dan para pemain industri pelancongan dapat merencanakan kembali agenda pelancongan dan berupaya melestarikan warisan di Taiping, seterusnya memberikan inspirasi kepada seluruh masyarakat. 